

SAMUDERA



Program
Persidangan
Parlimen
Mahasiswa 2017

Roshila Rela
Galas
Tanggungjawab Besar

Pelajar UMT
Raih Pingat Emas
Acara Kuda Lasak Berpasukan
Kejohanan Sukan SEA ke-29

Sidang Redaksi

PENAUNG

Naib Canselor UMT
YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

PENASIHAT

Pengarah Penerbit UMT
YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraïen Mansor

EDITOR PENGURUSAN

Rabil Sitta Abdul Rahman

KETUA PENGARANG

Nurul Hidayah Nor Azam

TIMBALAN KETUA PENGARANG

Ahmad Arieff Ahmad Azriff

PEMBACA PRUF

No Name

PEREKA

Muhammad Adli Hashim

JURUFOTO

Khairil Ammirol Tan Tan See King @
Muhammad Asmadi Tan

WARTAWAN

Nurul Farhana Ismail
Khairul Islam
Aziz Ridzwan
Muhammad Iqbal Nordin
Nur Elia Nadhira Mohd Asmadi
Irfan Mowardi
Faiz Chisto
Luqman Imran

Tinta Ketua Pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera Salam UMT Cita Warisan,

Alhamdulillah, untuk keluaran majalah *Samudera* sesi kali ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda sesi 2017/2018. Selamat maju jaya di UMT.

Dalam persiapan menyiapkan isu *Samudera* kali ini, kita telah meraikan bulan kemerdekaan. Salam kemerdekaan daripada pihak *Samudera* kepada semua warga UMT.

Selain itu, team *Samudera* juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pelajar UMT yang berjaya dalam peperiksaan semester 2 sesi 2016/2017. Apa jua keputusan yang kita dapat hendaklah kita ucap syukur kepada Yang Maha Esa.

Tidak lupa juga, sedikit nasihat rohani kepada kita semua dalam menuntu ilmu, di mana permulaan dalam menuntu ilmu haruslah dengan niat yang baik. Selama mana kita berusaha dalam mencari ilmu dengan niat yang baik, InsyAllah, Tuhan permudahkan jalannya. Begitu juga kepada pelajar yang bukan beragama Islam, setiap agama di Malaysia ini, disuruh untuk melakukan kebaikan kerana yang jahat itu bukanlah daripada agama tetapi datang daripada diri sendiri. Hidup sentiasa ada pilihan dan kita mesti bijak dalam membuat keputusan.

Akhir kalam, kami team majalah *Samudera* ingin memohon maaf atas kesilapan dalam menghasilkan isu kali ini. Selamat maju jaya kepada semua warga UMT. Jumpa lagi di isu akan datang.

Sekian, Terima Kasih.

Nurul Hidayah Nor Azam

MPP UMT Exco Publisiti dan Penerbitan

Hak Cipta Terpelihara © 2017. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

KANDUNGAN



4

Program Persidangan
Parlimen Mahasiswa 2017

6

Roshila Rela
Galas Tanggungjawab Besar

11

Pengalaman
Mendewasakan Seseorang

11

Pelajar UMT Raih Pingat Emas
Acara Kuda Lasak Berpasukan
Kejohanan Sukan SEA ke-29

12

Aziz Ridzwan
YDP MPP UMT @ AYTP

14

Berniaga
Sambil Belajar

16

“Misi Sukarela Siswa YSS -
Antarabangsa ke Beaufort,
Sipitang dan Nabawan, Sabah 2017 2017”

18

Minggu Jalinan Mesra
Diploma 2017/2018

22

Row For Your Life
No Pain No Gain

25

‘University Malaysia Terengganu Pirates’-
A Swimming Team’s Cinderella Story
“...it’s not the destination, but the journey
that matters” (Eliot, 1969)

28

Kata-kata Hikmah



Program Persidangan Parlimen Mahasiswa 2017

oleh: Nurul Farhana Ismail

Program Persidangan Parlimen Mahasiswa 2017 telah dilaksanakan pada 14 hingga 20 Julai di Parlimen Malaysia, bertujuan mewujudkan platform bagi mahasiswa sebagai generasi pemimpin pelapis di masa hadapan yang berdisiplin dan menghormati Perlembagaan Malaysia.



Pengerusi program Persidangan Parlimen Mahasiswa ini ialah Tan Sri Abdul Aziz Rahman. Selain itu, satu bengkel telah diadakan di Kuala Lumpur pada 14 Julai sebelum dibahaskan di Parlimen pada 18 dan 19 Julai ini.

Tema tahun ini berkonsepkan kontemporari, sealiran dengan dasar kerajaan untuk mewujudkan Transformasi Nasional 50 (TN50) dan Negaraku, dan juga aspirasi

Kementerian Pengajian Tinggi untuk meningkat tahap pencapaian universiti tempatan.

Parlimen Mahasiswa kali ini akan disertai lebih daripada 20 buah Universiti Awam (UA) dan enam buah Universiti Swasta (US) di mana setiap UA akan menghantar 10 orang wakil iaitu lima terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan lima orang lagi dipilih oleh pihak universiti.

Program ini juga jelas bertujuan

untuk memberi pendedahan dan melatih mahasiswa berdebat sebagai satu medan untuk berbincang dan berbahas secara rasional, intelektual dan ilmiah tentang pelbagai aspek.

Mahasiswa juga diberi peluang dan ruang seluasnya dalam menyuarakan idea dan mengetengahkan pandangan golongan muda tanpa dipengaruhi pihak luar, justeru sebagai medium mahasiswa mengabungkan dan



membentuk kesepakatan kepimpinan mahasiswa di universiti.

Ia turut memberi pendedahan kepada mahasiswa bagaimana parlimen berperanan menggubal undang-undang melalui proses perbincangan yang rasional demi kebaikan rakyat.

Persidangan Parlimen Mahasiswa ini telah bermula pada tahun 2015, anjuran Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) bersama

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta Kementerian Pengajian Tinggi.

Program Parlimen Mahasiswa bukanlah suatu perkara baharu kerana ia turut dijalankan di Britain, Sweden, Australia dan negara-negara lain di Eropah sebagai platform mendidik dan melahirkan generasi pemimpin pelapis yang menghormati perundangan negara terutama perlembagaan.

Seterusnya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi diiringi Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh juga turut hadir pada Majlis Makan Malam Persidangan Parlimen Mahasiswa 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Seramai 10 orang mahasiswa UMT telah diberi peluang untuk terlibat sebagai Ahli Perwakilan UMT dalam Program Persidangan



Parlimen Mahasiswa 2017 iaitu Saudara Wan Muhammad Naziq bin Che Nor (SM Kaunseling), Saudara Ahmad Arieff bin Ahmad Azriff (SMS Agroteknologi-Teknologi Lepas Tuai), Saudara Muhammad Khairul Islam bin Madzelan (Diploma Perikanan), Saudara Bunyamin bin Abdul Manap (SMS Agroteknologi-Teknologi Lepas Tuai), Saudara Perabudeva a/l Santhanam (SM Ekonomi-Sumber Alam), Saudara Muhammad Hafizin Jamil bin Yusof (SMS Matematik Kewangan), Saudari Hayqa Shahyra binti Ramlee (SMS Sains Samudera), Saudari Nurul Farhana binti Ismail (MSG Fizik Elektronik dan Instrumentasi), Saudari Lee Jie Xin (SM Ekonomi – Sumber Alam), Saudari

Nor Hazwani binti Abdul Rahman (SM Perakaunan).

Terdapat dua orang Ahli Perwakilan UMT yang telah dipilih untuk membahaskan cadangan mengenai usul yang telah dibincangkan oleh setiap kumpulan bagi program ini. Bagi Usul 1 yang berdasarkan Redesigning Higher Education yang bertajuk Kesukarelawanan Pelajar dalam Gap Year telah dibahaskan oleh Ahli Perwakilan UMT lapan iaitu Saudara Muhammad Hafizin Jamil. Objektifnya untuk memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi. Manakala seorang lagi Ahli Perwakilan UMT 5 iaitu

Saudara Ahmad Arieff bin Ahmad Azriff membahaskan cadangan yang bertajuk, Pembelajaran Sepanjang Hayat. Cara pelaksanaannya adalah dengan memperkasa sistem sedia ada dan mewujudkan satu aplikasi yang berfokus.

Kesimpulannya, program ini merupakan satu inisiatif yang terbaik bagi mahasiswa di seluruh Malaysia. Pengalaman bersidang di dalam Dewan Rakyat yang mana merupakan salah satu daripada dua dewan dalam Parlimen Malaysia adalah pengalaman paling berharga bagi kami semua. Terdapat banyak manfaat dan input positif yang telah kami dapat melalui program ini.

Roshila Rela Galas Tanggungjawab Besar

oleh: Rabil Sitta Abd Rahman

Bebanan tanggungjawab sebagai anak sulung lebih berat berbanding anak bongsu. Lebih-lebih lagi jika kedua ibu bapa ditakdirkan meninggal dunia lebih awal. Semua tanggungjawab menjaga kebajikan adik-beradik yang ada, secara automatik akan jatuh kepada bahu anak sulung. Situasi inilah yang dialami oleh Jejak Alumni UMT kali ini iaitu Roshila Murni Rosli, 26 tahun. Graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Sumber Alam dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang bergraduat pada tahun 2014 ini, telah ditakdirkan kehilangan ibu dan ayahnya pada tahun 2015 dan 2016.

Dugaan hebat yang dilalui oleh Roshila bermula sebaik sahaja beliau bergraduat pada tahun 2014 apabila ibu kesayangannya alahyarham Faridah Saad disahkan mengidap kanser payu dara tahap empat. Tidak lama selepas ibunya disahkan mengidap kanser, bapanya alahyarham Rosli Yusof diserang angin ahmar. Ketika ibu dan bapanya mendapat rawatan serentak di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), beliau adik beradik bergilir-gilir



menjaga kebajikan kedua ibu dan bapa mereka di hospital. Bagi Roshila dan adik-adiknya, HSB adalah rumah kedua mereka selama dua tahun. Ketika kedua ibu dan bapanya sakit, Roshila telah berlatih menggalas

tanggungjawab sebagai ibu dan ayah kepada empat lagi adik-adiknya iaitu Roshila Awanis, 23, pasangan kembar Effa Natasha dan Effa Narisha, 19 tahun dan adik bongsu lelakinya Muhammad 'Dee Sazali yang kini



Roshila dan adik-adiknya kini menumpang kasih pada nenek dan juga ibu serta bapa saudara mereka.

berusia 11 tahun. Roshila dan adik-adiknya kini menumpang kasih kepada neneknya, Rodziah Ahmad yang kini berusia 69 tahun dan juga ibu serta bapa saudara.

Dugaan Hidup

Melihat akan raut wajahnya yang manis, tiada siapa menyangka graduan UMT ini berhadapan dengan dugaan kehidupan yang amat berat. Ketika ibu dan ayahnya jatuh sakit, Roshila pernah menolak tawaran

kerja sebagai jurulatih tekwando di Terengganu. Beliau tidak pernah menyesal kerana terpaksa menolak tawaran kerja dalam bidang yang diminatinya kerana perlu berkorban masa melunaskan tanggungjawab sebagai anak sulung untuk menjaga ibu dan ayahnya yang sakit di hospital. Beliau ketika itu, perlu memastikan adik-adiknya terus bersekolah di samping mencari nafkah untuk menyara keluarga. Roshila pernah menjual nasi lemak untuk menampung perbelanjaan mereka sekeluarga.

Roshila juga pernah berhadapan dengan saat kewangan yang kritikal apabila kehabisan duit untuk membeli bekalan susu yang menjadi bekalan makanan utama arwah ayahnya yang terlanjar sakit di hospital. Ketika itu, beliau dan adik-adiknya sanggup menahan lapar tetapi mereka tidak sanggup melihat ayahnya yang sedang sakit tidak mendapat bekalan makanan. Ketika terputus bekalan susu itu, beliau hanya mampu memberikan air kosong kepada ayah. Ketika itu, beliau berasa amat sedih kerana tidak mampu berbuat sesuatu

untuk ayahnya. Roshila pernah cuba mendapatkan kembali hutang-hutang daripada rakan ayahnya yang pernah berhutang dengan ayah beliau sebelum ini tetapi beliau tidak berjaya mendapatkan kembali wang tersebut. Ketika itu beliau belajar sesuatu bahawa, bukan semua orang akan berada di sisi kita apabila ditimpa kesusahan.

Beliau juga pernah diuji dengan kemalangan jalan raya

dan terpaksa membayar ganti rugi sebanyak RM2000.00 di saat, beliau sekeluarga sedang berhadapan dengan kesempitan wang. Namun beliau reda dengan dugaan tersebut. Roshila yakin bahawa setiap dugaan yang Allah berikan kepada beliau sekeluarga, adalah untuk mendidik dirinya agar tabah. Beliau sentiasa bersikap positif dan yakin dengan kesusahan tersebut ada hikmah yang tersembunyi daripada-Nya untuk

mereka sekeluarga.

Roshila juga perlu menguatkan semangat di saat kedua ibu bapanya meninggal dunia selang setahun pada 21 April 2016 dan diikuti oleh bapa kesayangannya pada 23 Jun 2017. Kehilangan ibu bapa yang merupakan tempat beliau dan adik-adiknya bergantung amat berat bagi Roshila sekeluarga. Namun beliau reda dengan kehilangan tersebut.



Aktif di Kampus

Ketika melanjutkan pengajian di UMT, Roshila adalah seorang mahasiswi yang aktif dalam aktiviti kokurikulum. Beliau terlibat secara aktif dalam aktif sukan tekwando. Beliau kerap menjadi wakil UMT dalam kejohanan-

kejohanan tekwando di peringkat UMT dan juga peringkat kebangsaan. Beliau juga merupakan salah seorang wartawan Samudera ketika beliau masih belajar di UMT. Beliau sering mengetengahkan berita-berita berkaitan kejohanan sukan. Ketika

berada bersama Sidang Redaksi *Samudera*, beliau belajar kemahiran dalam bidang penulisan.

Alhamdulillah, berbekalkan kemahiran dan minat yang tinggi dalam bidang kewartawanan, Roshila kini menjawat jawatan wartawan

di akhbar *Sinar Harian* Alor Setar. Meskipun “lari” dari bidang yang dipelajarinya iaitu Sarjana Muda Ekonomi Sumber Alam, tetapi Roshila tidak pernah menyesal kerana sejak zaman kampus lagi beliau suka bidang ini. Kini, beliau menumpukan sepenuh perhatian pada kerjaya dan juga kebajikan adik-adik

dan neneknya. Beliau juga merasa bertuah kerana banyak pihak juga turut menghulur bantuan kepada mereka sekeluarga. Setelah menjadi tulang belakang keluarga, Roshila memberikan perhatian kepada pelajaran adik-adiknya. Mereka sekeluarga tidak pernah berhenti mendoakan kesejahteraan roh kedua ibu bapanya.



Roshila dan adik-adiknya, sentiasa menitipkan doa untuk kesejahteraan roh kedua ibu bapa mereka.



Roshila bersama team Sidang Redaksi Majalah Samudera UMT pada Sesi Tahun 2013/2014.

Pelajar UMT Raih Pingat Emas Acara Kuda Lasak Berpasukan Kejohanan Sukan SEA ke-29

Seluruh warga Universiti Terengganu (UMT) mengucapkan tahniah buat Saudari Azizatul Asma Abdullah pelajar Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim UMT yang telah memenangi Pingat Emas dalam Acara Endurance atau Kuda Lasak Berpasukan dalam Kejohanan Sukan SEA ke-29 Kuala Lumpur 2017. Asma merupakan peserta wanita tunggal dalam pasukan yang dianggotai oleh lima penunggang lain.

Lebih membanggakan, pasukan ini diketuai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Baginda mencatat sejarah Negara apabila menjadi Sultan pertama di Malaysia yang menyertai kejohanan ini. Baginda dan pasukannya telah berjaya menamatkan perlumbaan sejauh 80 km yang berakhir di Terengganu International Endurance Park di Lembah Bidong, Setiu.

Lima pasukan mengambil bahagian dalam acara ini iaitu Thailand, Singapura, Kemboja, Brunei dan Malaysia.






Tahniah

Azizatul Asma Abdullah
Pusat Pengajian Perniagaan
& Pengurusan Maritim

PINGAT EMAS
(Acara *Endurance* Berpasukan)


KUALA LUMPUR 2017
 SUKAN SEA KE-29
 SUKAN PARA ASEAN KE-9





Aziz Ridzwan YDP MPP @AYTP

oleh: Aziz Ridzwan

University Leadership Development Programme (ULDP) Cohort 5, 2017 adalah program 2 minggu yang dibuka kepada rakyat Malaysia yang kini mengikuti pengajian peringkat Sarjana Muda di universiti tempatan atau luar negara. Setiap tahun, kumpulan peserta terpilih akan menjalani program yang berlangsung pada bulan Ogos atau Julai dan pada tahun ini, jatuh pada 14-28 Julai 2017. Tujuan ULDP adalah untuk meletakkan konsep kepimpinan menjadi amalan, dengan fokus pada menangani cabaran dunia nyata dalam persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Peserta akan dicabar menerusi pelbagai aktiviti yang direka untuk melahirkan CEO muda demi masa hadapan negara.

Pada akhir program ini, kumpulan pelajar berprestasi tinggi yang dipilih akan berpeluang menerapkan apa yang telah mereka pelajari melalui Program Latihan Berstruktur 8 Minggu.

Buat kali pertama, Saudara Abdul Aziz Mohamed Ridzwan, pelajar Tahun 3, Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) telah terpilih setelah melalui saringan awal dan temuduga dan berjaya menjadi pelajar UMT pertama yang menyertai program yang berprestij ini yang dianjurkan oleh Axiata Young Talent Program. Penganjur memaklumkan, program ini telah menerima beribu permohonan, namun hanya 78 orang sahaja yang berjaya. Pelbagai manfaat telah didapati sepanjang melalui program yang berbentuk kursus jangka pendek di Awana Hotel & Resort, Genting Highlands.

Antara objektif program ini adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar dengan membina kemahiran kritikal seperti - kemahiran seperti komunikasi, pemikiran kritis, dan kreativiti. Ia adalah peluang untuk mahasiswa meningkatkan



kemahiran kepimpinan melalui satu siri program pembangunan yang intensif yang merangkumi simulasi perniagaan, bengkel, dan banyak cabaran lain!

Pelajar juga akan mempunyai peluang untuk membentangkan projek perniagaan kepada panel pemimpin perniagaan yang terkenal, dan menerima maklum balas daripada mereka. Ini adalah peluang untuk peserta menjalin hubungan dengan pelajar-pelajar dari Malaysia yang lain dari seluruh dunia.



Antara pengalaman yang menarik adalah dapat merasai peluang untuk bekerjasama bersama-sama pelajar Malaysia yang menuntut di universiti terkemuka dunia antaranya, pelajar daripada UM, USM, New York University, University of Manchester, University of Texas, Cambridge dan Imperial College London. Ini membuktikan bahawa pelajar UMT mampu untuk berdiri setanding dengan mereka.

Axiata banyak melabur dalam bidang mahasiswa dengan tujuan utama untuk memupuk & terus membangunkan belia Malaysia untuk menjadi CEO masa depan. Menjana pelan perniagaan berskala besar, kedudukan eksekutif tertinggi dalam konglomerat dan menangani krisis hubungan kritikal adalah beberapa pengalaman memperkaya dan ketara yang ditawarkan oleh Program Pembangunan Kepimpinan Universiti. ULDP sangat memberi manfaat kepada saya dari segi membuka perspektif fikiran baharu yang agak menaikkan pandangan saya apabila penulis melihat dan menganalisis situasi. Projek pasukan intensiti 2 minggu,

cabaran yang melampaui zon selesa kami, ditambah dengan prestasi mental & emosi yang terbentang telah membentuk penulis menjadi lebih bijak, *out-of-the-box* dan minda progresif yang ditetapkan dengan kesedaran bahawa menjadi yang terbaik. Dari diri kita memecahkan batas diri kita keupayaan kita. Kebanyakan, saya sangat menghargai untuk diletakkan rapat dengan beberapa pemikiran muda Malaysia yang paling hebat dan hubungan persahabatan yang telah kami usahakan dalam kem 2 minggu ini tidaklah begitu luar biasa dan kekal.

ULDP adalah satu ruang yang selamat untuk berkembang - terdapat sistem sokongan berterusan dan teratur yang digariskan di tempat dengan mentor untuk membimbing dan menilai prestasi peribadi, serta sistem maklum balas memastikan potensi anda untuk Pertumbuhan. Terdapat banyak cinta dan sokongan yang anda akan terima dari mentor, jawatankuasa penganjur dan pasukan indah yang akan menjadi sebahagian daripada anda. Penulis menekankan banyak pada sokongan dan

peluang untuk pertumbuhan, kerana menerima peluang ini membolehkan saya meneroka keupayaan penulis dan mengekstrak versi saya yang terbaik. Berikan seberapa banyak yang anda ingin terima dalam program ini, buka diri anda kepada orang-orang dalam pasukan anda, percaya dan angkat mereka seperti yang anda mahu dipercayai dan dinaikkan-dua minggu di ULDP akan meninggalkan anda memahami bahawa ada benar-benar tiada kegembiraan yang lebih besar daripada pembangunan bersama.

Semoga dengan pencapaian ini mampu mengajak lebih ramai mahasiswa UMT untuk bergiat aktif dan mencuba untuk menyertai program-program seperti ini.

"Saya percaya, dalam hanya 2 minggu pelbagai perubahan dan kebaikan yang saya hadapi, segala kesukaran dan cabaran telah menjadikan saya lebih matang dan kental untuk masa hadapan. Terima Kasih, Axiata!"

Tiada yang mustahil bagi UMT- Teroka Seluas Lautan.

Berniaga Sambil Belajar

oleh: Muhammad Iqbal bin Nordin

Kini di dalam kampus, ramai yang ingin berniaga sama ada atas talian mahupun secara langsung. Kebanyakan peniaga-peniaga juga terdiri daripada kalangan pelajar IPTA / IPTS yang pada mulanya hanya ingin cuba untuk berniaga dan akhirnya mereka sendiri terjebak dengan kursus-kursus usahawan di universiti. Tidak salah untuk berniaga semasa belajar yang penting kita mesti berani dan yakin pada diri.

Usahawan Kampus

Negara kita Malaysia kini berada pada landasan yang terbaik untuk mencapai sebuah negara maju berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi. Justeru itu, melahirkan golongan usahawan dan menggalakkan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa secara khususnya amat penting dalam usaha merealisasikan aspirasi ini.

Jolokan “usahawan kampus” tidak asing lagi dalam diri mahasiswa yang mencari pendapatan sampingan di kampus untuk meringankan beban pelajar melalui “bisnes kampus” yang dijalankan. Namun begitu, masih ramai usahawan kampus masih tidak sedar kewujudan pusat tanggungjawab dan kelab yang membantu usahawan pelajar malah menyediakan platform yang kondusif kepada usahawan kampus.

Sebagai usahawan kampus, kita mestilah mempunyai minda yang kreatif dan agresif dalam mencari dan menggunakan



platform yang disediakan untuk maju ke hadapan. Antara platform yang sesuai digunakan bagi mahasiswa yang ingin berjinak dalam keusahawanan adalah melalui penglibatan diri dalam kelab keusahawanan seperti Kelab Usahaniaga,

Enactus dan MyAgrosis yang memberi pendedahan awal kepada ahli-ahlinya dalam bidang keusahawanan. Selain itu, mahasiswa juga perlu menglibatkan diri dalam program keusahawanan yang dijalankan oleh pusat keusahawanan mahupun Koperasi Siswa untuk memperoleh ilmu keusahawanan yang lebih mendalam.

Pengalaman “guru” yang paling berharga

Apa jua bentuk keusahawanan atau aktiviti mencari pendapatan sampingan yang dijalankan oleh mahasiswa, selagi ia tidak bercanggah dengan polisi universiti mahupun undang-undang syariah dan negara, harus diberi galakan oleh warga kampus.

Keusahawanan merupakan satu aktiviti yang sarat dengan elemen-elemen positif dan membentuk peribadi yang diperlukan setelah tamat belajar. Ia mencukupi proses:

- Memahami konsep keusahawanan
- Teknik dan strategi melakukan sesuatu
- Memupuk sifat sabar dan mandiri
- Belajar kemahiran kehidupan (*survival skill*)
- Belajar memahami karakter manusia
- Dan banyak lagi aspek positif yang menyediakan pelajar dengan relaiti kehidupan selepas tamat belajar.

Aktiviti keusahawanan di kampus bukanlah semata-mata fokus mendidik mahasiswa mencari sumber pendapatan sendiri, malah ingin mengajak mahasiswa memaksimumkan waktu lapang mahasiswa di kampus dengan perkara-perkara yang memberi pengajaran yang tidak dapat diperolehi dalam silibus pembelajaran.





“Misi Sukarela Siswa YSS- Antarabangsa ke Beaufort, Sipitang dan Nabawan, Sabah 2017”

oleh: Nur Elia Nadhira Mohd Asmadi

Bismillahirrahmanirahim, sebelum saya memulakan perkongsian pengalaman saya terpilih menjadi sebahagian daripada keluarga YSS, biarlah saya memperkenalkan diri saya dahulu. Saya Nur Elia Nadhira Mohd Asmadi daripada program Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) Tahun 2 daripada Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM), UMT.

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) adalah satu program di mana adalah untuk melahirkan sukarelawan bersifat kepimpinan. YSS di bawah penaung Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang dipengerusikan oleh Dato' Zuraidah Atan. YSS telah ditubuhkan pada 2012 ini melahirkan sebanyak 600 orang lebih alumni daripada serata Malaysia dan juga termasuk pelajar antarabangsa seperti Singapura dan Sudan. Dalam YSS terdapatnya 6 kluster iaitu *Education Cluster, Agribio and Environment Cluster, Information Technology and Social Entrepreneurship Cluster, Community Development / Improvement Cluster, Medical and Health Cluster, dan Crisis and Disaster Management Cluster.*

Untuk meringkaskan lagi, pada 3 Disember 2016 saya bersama-sama rakan yang lain telah pergi ke sesi temuduga pencarian sukarelawan siswa di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di Putrajaya. Kami ditemuduga secara berkumpulan.

Namun, benarlah kata orang dulu-dulu rezeki tidak mengira tempat dan masa. Pada 28 Mei 2017 saya dikejutkan dengan panggilan seorang kawan baik saya yang juga merupakan seorang MPP, Siti Hazwani

Md Noor, beliau telah memaklumkan kepada saya bahawa saya telah terpilih untuk mengikuti Misi YSS ke Sabah pada 8-23 Julai 2017. Perasaan saya ketika itu tidak dapat saya gambarkan kerana sesuatu yang saya tunggu-tungguan sehingga saya hampir putus asa telah saya dapat. Saya sangat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana hanya seramai tiga orang sahaja wakil UMT untuk setiap misi, iaitu saya ke misi Sabah, Muhamad Syahir ke misi Vietnam dan Muhamad Syakir ke misi Laos. Persediaan untuk ke misi telah saya lengkapkan sepanjang *study week* saya memandangkan persediaan ke Sabah adalah seminggu selepas cuti hari raya di mana saya tiada masa yang banyak untuk menyiapkan diri.

Pada 5 Julai 2017 iaitu seminggu selepas Raya Puasa, saya telah bertolak ke Akademik Audit Negara, Negeri Sembilan untuk Pre-Departure Training (PDT) sebelum berangkat ke Sabah. PDT mengambil masa selama 3 hari, di mana di situlah mental dan fizikal kami mula diuji. Pertama, kami harus memakai baju yang sama selama 5 hari kerana baju merah kami adalah baju rasmi. Setiap hari bermula daripada jam 8 pagi sehingga 12 tengah malam kami akan duduk di

dalam dewan untuk mendengar taklimat secara berterusan. Mengantuk, bosan, marah, pening, lapar semua ada. Kami tidak cukup rehat. Tetapi ini hanyalah permulaan kerana yang sebenar - benarnya menanti kemudian. Dalam PDT ini segala masalah akan dirungkai seperti kes jenayah, jamak qasar, pemakanan, cara mengambil gambar, syarat YSS, cara menulis laporan harian, cara menyunting gambar dan lain-lain.

Pada 8 Julai 2017, para sukarelawan siswa bertolak ke Sabah untuk menjalankan misi ini. Terdapat tiga daerah yang terlibat iaitu Beaufort, Sipitang dan Nabawan. Kesemua daerah ini adalah daerah pedalaman di mana Nabawan adalah yang paling jauh dan mencabar. Kami seramai 89 sukarelawan dibahagikan kepada enam kampung. Setiap kampung akan diwakili oleh 15 orang sukarelawan termasuk alumni. Saya ditempatkan di Salarom Taka, Nabawan.

Salarom Taka, Nabawan. Satu daerah yang paling ceruk, yang paling pedalaman dan yang paling jauh antara semua kampung. Saya tidak mengeluh ditempatkan di sana kerana saya sukakan cabaran dan saya nak menguji kebolehan diri. Kami mengambil



Ini adalah ahli kumpulan merangkumi ahli keluarga saya selama 2 minggu kami berada di Salarom Taka.



Ini adalah antara pelajar - pelajar SK Salarom dan aktiviti sukan yang kami lakukan semasa hari sukaneka bersama pelajar SK Salarom.

masa selama 7 jam untuk ke Kampung Salarom Taka dengan menaiki trak askar. Satu pengalaman yang saya tidak boleh lupakan di mana di dalam trak itulah kami mula berkenal-kenal, menyanyi bersama, tidur merata di dalam trak. Pemandangan kaki bukit/gunung di Sabah sangat mencuri perhatian saya.

Pelbagai pengalaman yang saya ingin kongsi, penat lelah kami di sana semuanya saya ingat satu persatu. Kami ditempatkan di dalam rumah panjang yang selama 6 tahun tidak berpenghuni. Pahit getir kami, telan bersama-sama kerana kami 15 orang itu adalah keluarga di sana. Masalah kita selesaikan sama-sama dan yang paling penting adalah kami sedaya upaya mengelakkan pangsengketaan dan konflik kerana setiap konflik yang berlaku itu adalah senjata yang akan merosakkan segala-galanya. Sejujurnya, untuk mendapatkan rehat yang secukupnya itu adalah mustahil kerana berbalik kepada niat kami di sana adalah sebagai sukarelawan di mana fizikal dan mental kami haruslah bersedia walau apa sekalipun. Walau penat macam mana sekalipun laporan harian adalah sesuatu perkara yang wajib kami hantar kepada pihak YSS setiap hari sebelum tidur melalui e-mel. Di situlah mental kami benar-benar diuji kerana penatnya fizikal

ditambah lagi dengan mental yang harus menaip laporan harian. Ada juga setengah kampung yang tidak ada langsung talian telefon apatah lagi talian internet untuk menghantar e-mel laporan. Inisiatif untuk menghantar laporan haruslah dicari kerana laporan adalah satu perkara wajib setiap hari. Kami para sukarelawan sangat dipantau terutamanya laporan harian yang wajib kami hantar setiap hari. Setiap minggu adanya laporan kluster dan bagi ketua kumpulan, satu hari beliau harus menyiapkan 2 jenis laporan. Tipulah kalau saya katakan tiada konflik yang berlaku. Ada pelbagai konflik yang berlaku tetapi kami bersama-sama selesaikan dengan cara yang terbaik dibimbing oleh 2 orang alumni kami. Setiap detik kami di sana sangatlah saya hargai kerana masa tidak mampu diputar balik.

Pada 21 Julai 2017, bertempat di UMS, kami mengadakan pembentangan yang dinamakan Post Mission. Post Mission inilah yang kami sangat menakutkan kerana kami harus bentang segala projek kami dihadapan Dato' Zuraidah Atan dan beberapa orang pegawai yang agak tegas. Setiap projek yang kami lakukan di sana akan ditanya dengan sangat terperinci terutamanya bahagian pendidikan sekolah iaitu Education Cluster yang paling banyak dihentam. Tetapi

alhamdulillah kami lalui dengan sebaik mungkin walaupun pelbagai dugaan dan persoalan yang ditujukan kepada kami. Dan akhirnya kami pun berangkat pulang ke Semenanjung Malaysia pada 23 Julai 2017. Kesemua para sukarelawan yang kini telah menjadi alumni YSS berangkat ke negeri masing-masing. Kini, hanya kenangan bersama menjadi peneman kami setiap malam. Saya doakan rakan-rakan seperjuangan saya seramai 89 orang itu berjaya di dunia dan akhirat.

Kenapa memilih untuk menjadi sukarelawan YSS ?

Pertama, dalam YSS adalah di bawah KPT dan kebajikannya sangat dijamin. Kedua, kami alumni YSS boleh mengikuti lagi misi seterusnya seperti di Vietnam, Laos, Filipin, Sabah, Sarawak dan boleh juga ke Nepal, Perancis dan negara-negara lain. Ketiga, YSS adalah satu platform untuk melahirkan pemimpin sukarelawan yang kuat mental dan fizikalnya. Jika inginkan satu program kesukarelawanan yang berbeza dari setiap aspek, YSS sangat mengalu-alukan kehadiran anda dan melatih jati diri anda menjadi seorang pemimpin global. Sekian sahaja sedikit perkongsian saya sepanjang saya melalui misi ke Sabah ini.

Minggu Jalinan Mesra Diploma 2017 / 2018

oleh: Irfan Mowardi

Pada 27 hingga 28 Mei telah berlangsungnya Minggu Jalinan Mesra Diploma 2017/2018 yang bertujuan untuk meraikan kehadiran adik-adik diploma yang baharu ke UMT. Persediaan gerak kerja telah bermula sejak awal lagi, pemilihan fasilitator yang terdiri daripada 15 orang Majlis Tertinggi dan Majlis Eksekutif Kelab Diploma iaitu Revolution of Fisheries (REVOF) serta lima orang pelajar Tahun 2 Diploma Perikanan dibantu oleh 10 orang fasilitator dari Majlis Perwakilan Pelajar UMT bersama wakil-wakil fasilitator Majlis Kolej Siswa berjaya mempermudah urusan sepanjang MJM berlangsung. Minggu Jalinan Mesra ini bertujuan untuk memberikan bimbingan serta tunjuk ajar kepada pelajar-pelajar yang baharu mendaftar. Selain itu, para fasilitator juga telah diberi mandat untuk menerangkan kepada pelajar tentang perkara-perkara yang kurang difahami oleh pelajar baharu untuk membakar semangat pelajar baharu selepas memasuki menara gading.





Sebelum bermulanya MJM 17/18, beberapa persiapan telah dijalankan. Kami telah diberi latihan serta penerangan yang jelas lagi teliti oleh pegawai-pegawai akademik UMT tentang pelaksanaan majlis dan apa yang akan berlaku di hari kejadian. Urusan-urusan seperti penyusunan meja di tempat pendaftaran, pengasingan *goodies bag* serta persiapan yang lain telah kami laksanakan 2 hari sebelum MJM berlangsung. Para fasilitator juga telah diberi kursus yang mendalam tentang tugas dan tanggungjawab sebagai seorang fasilitator melalui kursus TOT ataupun Training of Trainers. Di dalam kursus ini, para fasilitator telah diajar tentang cara bertindak dengan betul andai kata terdapat kecemasan serta cara-cara untuk menguruskan pelajar-pelajar baharu. Para fasilitator juga telah diasah dari segi kemahiran bercakap serta kemahiran kepimpinan untuk mengetuai pelajar-pelajar baharu semasa MJM berlangsung. MJM ini juga merupakan di antara MJM yang paling mencabar kepada para fasilitator kerana ia berlangsung semasa umat Islam sedang sibuk mengerjakan rukun Islam yang ketiga iaitu berpuasa di bula Ramadan. Namun begitu, ia tidak mematahkan semangat para fasilitator untuk memberikan yang terbaik kepada pelajar-pelajar baharu.



Seawal jam 4.30 pagi, para fasilitator telah bangun untuk bersahur bagi mendapatkan tenaga yang cukup untuk menempuh hari yang memberi cabaran kepada mereka. Para fasilitator telah dipecahkan kepada tiga kumpulan semasa hari pendaftaran di mana kumpulan pertama akan bergerak ke Hentian Bas MBKT seawal jam 6 pagi, kumpulan kedua pula akan ke tempat pendaftaran untuk membantu staf di sana dibantu oleh fasilitator wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar manakala kumpulan ketiga ditempatkan di asrama bersama-sama wakil dari Majlis Kolej Siswa. Pelajar baharu mula mendaftar seawal pukul 9 pagi di Pejabat Pendaftar bermulanya pukul 9 pagi kami tidak





putus-putus menerima kunjungan pelajar baharu yang ingin mendaftar. Di asrama pula, para fasilitator telah memberi arah tuju ke bilik yang baik kepada ibu bapa yang ingin memasukkan barang anak-anak mereka. Pelajar baharu telah memberikan kerjasama yang baik. Bukan sahaja pelajar baharu, malahan semua pihak telah memberikan kerjasama yang begitu bagus sekali di dalam melancarkan urusan pada hari itu.

Bermulanya hari kedua pula, pelajar baharu dikejutkan seawal jam 4 pagi untuk bersahur. Mereka kemudiannya diberikan masa untuk pengurusan diri sebelum bertolak ke Auditorium Mahyuddin untuk aktiviti hari kedua. Pelajar baharu disajikan dengan pelbagai aktiviti ceramah dari pihak keselamatan



UMT, Pusat Kesihatan Univesiti, Kolej Siwa serta banyak lagi. Selangan di antara setiap ceramah, pihak fasilitator telah menyediakan 5 'energiser' bagi memastikan para pelajar baharu kekal bertenaga untuk menerima input-input penting yang diberikan kepada mereka. Selesai sahaja program pada sesi siang, para pelajar baharu telah dibawa ke Pusat Islam untuk menikmati juadah berbuka puasa yang disediakan. Usai berbuka bersama solat Terawih, pelajar dibawa ke Dewan Al-Irfan untuk program seterusnya yang berakhir pada jam 12 malam. Para pelajar diminta untuk menikmati rehat yang secukupnya sebelum bermula hari esok.


Seperti hari yang sebelumnya, selesai sahaja sahur dan pengurusan diri pelajar dibawa ke Dewan Mahyuddin untuk aktiviti ceramah seterusnya sehingga ke tengah hari. Pada sesi petang pula, aktiviti bacaan ikrar telah dijalankan disaksikan oleh bonda UMT Naib Canselor UMT, Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar bersama-sama pengawai akademik Pusat Perikanan dan Akuakultur. Bacaan ikrar yang diketuai oleh 5 orang pelajar baharu yang terdiri daripada kaum berbilang bangsa bagi melambangkan UMT berjaya menyatu-padukan pelajar berbilang kaum melalui pendidikan. Selesai sahaja Majlis Bacaan Ikrar telah menandakan penutup kepada Minggu Jalinan Mesra

Diploma 2017/2018. Dif-dif kehormat serta para pelajar baharu telah diminta ke Pusat Islam untuk bersama-sama berbuka puasa bagi meraikan penutupan MJM Diploma 2017/2018.

Secara keseluruhannya, MJM ini merupakan satu kejayaan yang besar serta menerima pelbagai pujian serta kritikan membina. Pihak UMT mengucapkan terima kasih kepada ahli jawatankuasa MJM yang terdiri daripada para fasilitator yang bertungkus lumus bagi menjayakan MJM ini. Semoga ia mampu memberikan pandangan pertama yang bagus kepada para pelajar baharu Diploma Perikanan.

Row for Your Life No Pain No Gain

oleh: Faiz Chisto



Pada satu ketika dahulu, sukan *rowing* hanya diceburi oleh golongan profesional dan golongan atasan sebagai satu jenis rekreasi tetapi kini telah menjadi satu kegiatan sukan yang digemari dan diminati di kalangan penuntut-penuntut sekolah, UA dan US. Sukan *rowing* adalah sejenis sukan yang mementingkan usaha-usaha kerjasama dan bantu-membantu. Dengan gerakan mendayung yang serentak dan bertenaga sukan ini memberikan satu bentuk semangat kesetiakawanan yang tinggi bagi menentukan kejayaan pasukan.

UMT ROWING TEAM (URT) adalah kelab sukan air di UMT yang ditubuhkan sejak tahun 2012. UMT Rowing Team atau nama lainnya Alligator Rowing Team

hanya mempunyai bilangan ahli yang sedikit kerana merupakan sukan yang agak mencabar dari sudut mental dan fizikal. Namun begitu, ia tidak menjadi penghalang kepada UMT ROWING TEAM untuk terus berjuang mengharumkan nama UMT kerana kualiti lebih penting berbanding kuantiti bagi kami.

URT tidak pernah mengecewakan UMT kerana sentiasa memenangi acara dalam pertandingan pada setiap tahun seperti Majlis Sukan Universiti Malaysia, Varsity Boat Race dan juga Sukan IPT. Setiap kejohanan yang di anjurkan, pastinya URT akan membawa pulang pingat meskipun tidak banyak. Paling terbaru adalah kejohanan SUKAN MASUM AIR



di mana URT berjaya membawa pulang 2 pingat perak dalam acara LW2X dan W1X. Berikutan dengan pencapaian yg telah diraih, URT telah memenangi Anugerah Pasukan Terbaik, Anugerah Emas (Badan Pelajar Terbaik) serta Anugerah Olahragawati (Eleonie Rikan Marten) pada Anugerah Ikon Siswa 2016 yang dianjurkan oleh pihak Universiti Malaysia Terengganu Sendiri.



PENCAPAIAN TERKINI

- Indoor Rowing Pulau Duyong Marina Resort (2015) – PERAK (MO2K)
- Varsity Boat Race & Fit Malaysia Indoor Rowing (2016) – PERAK (DSW2K)
- Indoor Rowing Piala TNC HEPA UTHM (2016) – GANGSA (WO1K)
- Indoor Rowing UTEM (2016) – PERAK (WR2K)
- MASUM di Bukit Merah Lake Town Resort (2017) – PERAK (DSW1K)



Tahniah diucapkan kepada jaguh UMT ROWING TEAM kerana sentiasa pulang dengan berita gembira, membawa piala mengharumkan UMT serta menaikkan nama Kelab Rowing menjadi Sukan No.1 terhebat di UMT. Antara jaguh yang hebat lagi perkasa jua boleh dikenali sebagai Iron Lady UMT:

- Eleonie Rikan Marten, Nur Afiqah Zamia binti Sumeri, Nur Afika binti Nordin, Siti Nabilah binti Ahamd Subkey dan Nur Fazlin Shahira

Tidak dilupa juga untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada En Aiman dan Encik Anuar kerana telah banyak mendidik, melatih serta membantu atlet *rowing* UMT sehingga dapat mencapai matlamat meraih kemenangan. Akhir kalam, ingatlah di mana ada *highway*, di situ ada jalan. Jangan malas! Hargailah diri anda kerana dirimu begitu berharga.



'University Malaysia Terengganu Pirates' - A Swimming Team's Cinderella Story

"...it's not the destination, but the journey that matters"
(Eliot, 1969)



oleh: Luqman Imran

Selepas kemenangan baru-baru ini, iaitu pertandingan Rekreasi Air Terbuka Ocean man International yang pertama di Asia pada awal bulan Mac, sebuah sempadan baharu yang ditunggu-tunggu - MASUM. Pertandingan yang sekian lama dinantikan hampir tidak menjadi kenyataan, kerana wujud pelbagai kekangan yang berlaku. Walau bagaimanapun, dengan bantuan Exco Sukan dan Rekreasi Majlis Perwakilan Pelajar, Ady Syafiq serta pertemuan dengan staf Universiti Malaysia Terengganu (UMT), pasukan renang UMT akhirnya berjaya mendapat lampu hijau untuk bersaing di persada ini.

Oleh itu, pada malam Ramadan, kami duduk di tepi kolam renang, merancang strategi latihan dengan penuh perasaan. Malangnya, masa terlalu terhad. Persediaan kami untuk terlalu singkat untuk pergi ke MASUM, pilihannya sangat terhad di mana kami juga

kekurangan perenang disebabkan ada di antara perenang elit akan memulakan perjalanan ke alam pekerjaan kelak. Ini bermakna hanya beberapa perenang junior yang tetap terpaksa melangkah ke platform dan meneruskan perjuangan untuk mengharumkan nama UMT.

Walaupun beberapa perenang kami tidak bersedia untuk menghadapi pertempuran yang memikat ini, peluang yang jarang datang untuk bersaing dalam pertandingan yang diimpikan ini tidak boleh dilepaskan. Oleh itu, dengan semangat pasukan dan motivasi daripada

rakan, kami berjaya menghilangkan keresahan hati untuk memulakan latihan.

Setiap malam selepas solat Terawih kami tiba di kolam renang, menunggu jurulatih dan pengurus kami, Encik Helmi Khalil dari Pusat Sukan dan Rekreasi. Dengan suasana malam yang panjang dan sejuk, gelap kami mulakan latihan dengan peregangan dan sorakan UMT Pirates iaitu *"Stronger, We Are! Faster, We Are! We Are, Champions! We Are, Pirates!"* hal mungkin tidak penting kepada orang lain, tetapi kepada kami *Pirates*, ia adalah cara kami memperoleh keyakinan diri sendiri.

Pada jam 9.30 malam, kami terjun ke dalam kolam renang UMT yang gelap dan sejuk. Beribu-ribu meter kami berenang setiap malam di perairan yang sejuk ini, dengan mimpi dan harapan supaya warga UMT bangga kerana berjaya dalam kejohanan MASUM yang akan datang. Dengan setiap pusingan kami berenang, beban yang dipikul sebagai wakil universiti amatlah dirasai. Dengan setiap nafas yang kami ambil, nama *'Pirates UMT'* dipertaruhkan. Walaupun fikiran kami agak bercelaru dan tidak begitu yakin namun kami berjaya tukar ianya kepada api kejayaan atau pendorong supaya kami dapat buktikan sesuatu kepada universiti yang kami cintai ini.

Rutin latihan kami amatlah memenatkan. Sepanjang 2 minggu tersebut, setiap malam yang kami lalui pasti tidak akan selesai tanpa salah satu daripada kami muntah kerana rutin latihan yang mengerikan. Seminggu berlalu, latihan semakin sukar. Latihan tunggal, satu jam setengah iaitu dengan membuat latihan yang akan menguji kami menampung jarak sekurang-kurangnya 2 km di kolam renang, dengan masa rehat yang sangat pendek serta kekerapan untuk meningkatkan kelajuan.

Ketika kami kembali ke kampung halaman kami ia merupakan satu cabaran yang terbesar buat kami kerana pada ketika ini juadah makanan sangatlah menggiurkan. Pada waktu malam, saya akan pergi ke kolam renang yang berhampiran untuk berlatih. Hal ini dianggap pelik oleh pelawat di situ kerana pada ketika masih



minggu untuk sedang saya sibuk berada di kolam renang. Ini semua pengorbanan yang kami lakukan untuk MASUM.

Masa yang ditunggu-tunggu telah tiba kami satu pasukan sudah bersedia untuk tunjukkan kepada dunia apa yang kami ada. Setiap daripada kami berenang dalam setiap acara yang kami bersaing. Dalam acara 200 m gaya bebas lelaki, saya berjaya mendapat tempat ketiga dan sekali gus berjaya memenangi pingat MASUM yang pertama bagi UMT dengan catatan masa 2 minit 36 saat. Perasaan gemuruh untuk bersaing dengan semua perenang negeri yang lain merupakan sesuatu yang sangat luar biasa dan tidak dapat dilupakan.

Perenang UMT lain iaitu Kee Siang, Ze Xuan, Irene dan Shirly Lim juga sangat cemerlang. Walaupun mempunyai sedikit masa untuk berlatih, perenang-perenang yang hebat dan berani ini berjaya mengatasi rekod peribadi mereka sebelum ini. Irene Lim juga berjaya mendapat tempat keempat dalam kuak dada 200 m. Akhir sekali, kepada jurulatih kami, En. Helmi Khalil tanpa sokongan yang tidak berkesudahan dan motivasi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Sukan dan Rekreasi serta Hal Ehwal Pelajar dan Alumni kerana memberi kami keemasan untuk bersaing di MASUM tahun ini.

Secara rumusnya kami mungkin telah mencapai kejayaan baharu dalam renang UMT namun masih banyak ruang-ruang yang perlu diperbaiki. Kami juga sangat memerlukan sokongan dan dorongan dari anda semua warga UMT. Oleh itu, teruskan menyokong kami tidak kira kami jatuh atau ketika kami berada di atas. Majulah sukan untuk UMT!



KATA-KATA HIKMAH

Informasi

HARI INI

Kita Masih Bernafas...

ESOK

Belum Dijanjikan Lagi...

Sempurnakanlah Kehidupan

Kita Untuk HARI INI

Kerana ESOK

Belum Pasti...

(YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor, 15 Ogos 2017)